



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA & WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN 1445H

TEMPAT:

(MASJID JAMEK PEKAN LAYANG-LAYANG)

TARIKH/ MASA:

KHAMIS | 14 MAC 2024 |

3 RAMADAN 1445H

6.00 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

MUKADDIMAH

1. Dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dipertemukan lagi dengan bulan Ramadan 1445H, bulan yang penuh berkah, bulan yang penuh hidayah dan keampunan, serta bulan yang menjadi tonggak kekuatan spiritual umat Islam di seluruh dunia.
2. Dengan hati yang tulus, saya mewakili Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mengucapkan selamat menunaikan ibadah berpuasa kepada semua yang hadir pada majlis ini.

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN 1445H

Hadirin Sekalian,

3. Majlis Santunan Kasih Ramadan ini telah memasuki tahun kedua penganjurannya, pada Ramadan kali ini kita telah memilih Negeri Johor sebagai lokasi pertama. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) yang dipimpin oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr Haji Azmi bin Rahani, Setiausaha Kerajaan Johor merangkap Pengerusi KEJORA telah menjadi hos utama kepada majlis ini. Tahniah saya ucapkan kepada KEJORA.
4. Jika dilihat kepada kemeriahan majlis ini, ianya bukan sekadar untuk kita berkumpul dan menikmati juadah berbuka puasa semata-mata, jauh dari itu, penganjuran ini sebagai satu pendekatan Kementerian untuk merapatkan hubungan pemimpin dan rakyat, serta menyantuni penduduk di perdesaan negara termasuk golongan masyarakat yang kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim, asnaf, pusat-pusat tahfiz serta lain-lain lagi.
5. Sepertimana kita semua tahu, Bulan Ramadan merupakan bulan penuh kemuliaan dan keberkahan. Disebut juga bulan kasih sayang (rahmat), bulan pengampunan (maghfirah),

bulan penuh keberkahan (barakah), bulan kemenangan (falah), bulan pembelajaran (tarbiyah), dan bulan dimana setiap ibadah dilipatgandakan.

6. Justeru, sebagai Menteri KKDW, saya mahu Kementerian saya turut bersama-sama masyarakat khususnya di perdesaan untuk memaknai nilai-nilai yang tersemat di dalam bulan mulia ini melalui penganjuran program yang bermanfaat dan mengundang keberkatan daripada Allah SWT.
7. Saya juga berharap, dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan ini dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Di samping itu, secara tidak langsung ia turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama, semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah sebagai sebuah masyarakat Malaysia Madani.

ELAKKAN PEMBAZIRAN DI BULAN RAMADAN

Hadirin Sekalian

8. Setiap kali menjelang bulan Ramadan, kebiasaannya ramailah yang akan ke Bazaar Ramadan untuk membeli

juadah berbuka dan ada juga antara kita yang makan *buffet* Ramadan. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk berpesan agar kita tidak melakukan pembaziran dan membeli mengikut keperluan sahaja.

9. Apatah lagi terdapat larangan keras terhadap perbuatan boros dan membazir seperti firman Allah menerusi ayat 27 Surah al-Isra' bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”*
10. Saya ingin kongsi sebuah Data Sisa Pepejal Tahun 2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan SWCorp. Data ini bahawa menunjukkan kita telah menghasilkan Sisa Makanan sahaja berjumlah 17,379 ton sehari bersamaan 473g untuk setiap individu di Malaysia sehari. Ini merupakan satu jumlah yang tinggi dan amat merugikan.
11. Bagi tahun 2023 sahaja, purata bulanan sisa pepejal yang dilupuskan dalam bulan Ramadan berjumlah 243,095 tan dan 86,177 tan daripadanya ada sisa makanan. Seharusnya angka ini menjentik hati kita semua di bulan Ramadan ini

untuk berfikir seketika akan betapa besar jumlah pembaziran yang telah dilakukan.

12. Islam mendidik umatNya untuk tidak membazir dan berlebihan dalam berbelanja. Ramadan inilah medannya untuk kita mengawal nafsu, bersyukur dengan kecukupan rezeki yang Allah SWT kurniakan dan memupuk nilai kesederhanaan.
13. Oleh itu saya menyeru, marilah kita jadikan madrasah Ramadan ini sebagai tempoh latihan untuk kita mendisiplinkan diri membeli apa yang perlu, berkongsi rasa kesusahan golongan yang memerlukan serta pada masa yang sama semai sikap berjimat cermat.
14. Semoga Ramadan kali ini kita dapat membantu negara mengurangkan sisa makanan mahupun sisa pepejal serta berjaya mendidik diri dan keluarga dengan sikap berhemah. Insya-Allah.

PERBANYAKKAN IBADAH

15. Selain itu, saya juga ingin berpesan kepada diri saya sendiri dan juga hadirin sekalian, untuk kita perbanyakkan ibadah-ibadah sunat dan amalan-amalan kebajikan serta

memperkukuhkan lagi ukhuwah sesama insan di samping meninggalkan segala perbuatan yang sia-sia dan merugikan.

16. Marilah kita berazam untuk mengkhatam 30 juzuk Al-Quran dalam bulan Ramadan ini. Bacalah 3 muka surat selepas sahaja selesai solat fardu. In Shaa Allah, kita akan tamat sebelum berakhirnya Ramadahan. Kepada yang telah bermula, saya doakan, anda terus hingga akhirnya. Manakala yang belum mula, ayuh, kita mulakan dari selepas maghrib ini.
17. Banyak lagi ibadat-ibadat yang yang boleh kita lakukan pada bulan yang mulia ini. Perbanyakkan bersedekah, zikir, mendengar bacaan Al-Quran, mendengar tazkiran dan sebagainya. Ingatlah, sebelum masuk waktu berbuka, berdoalah. Kerana disitu ada waktu yang doa kita paling mustajab.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

18. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Justeru, sekali lagi saya ingin

mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir serta memeriahkan majlis pada petang ini termasuk rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan.

19. Tahniah juga diucapkan kepada KEJORA serta semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah Peringkat KKDW di Negeri Johor.
20. Mengakhiri ucapan ini, saya mendoakan semoga yang hadir pada petang ini di Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Sekian,

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.